



GARIS PANDUAN PERMIT SEMENTARA

Makanan dan Minuman

1. Peniaga hanya dibenarkan menggunakan peralatan mudah alih seperti **PAYUNG, MEJA LIPAT, KERUSI, GERAJ TOLAK dan PERALATAN MUDAH ALIH**. Tidak dibenarkan sama sekali meninggalkan / meletakkan / menyimpan peralatan di lokasi perniagaan selepas waktu perniagaan yang dibenarkan.
2. Menggunakan khemah mudah alih bersaiz 10'x10' atau 8'x8'.
3. Mendapat Sijil Kursus Pengendalian Makanan dan Suntikan TY2 (Thypoid) untuk pemohon yang menjual makanan & minuman.
4. Perniagaan hanya boleh dibuat di lokasi atau di tempat yang diluluskan sahaja oleh pihak Majlis Perbandaran Kajang (MPKj).
5. Permit hendaklah dan sentiasa dipamerkan semasa menjalankan perniagaan.
6. Peniaga perlu mematuhi had operasi yang dibenarkan mengikut Masa Operasi Perniagaan yang diluluskan oleh Jabatan Pelesenan dan Penjaja MPKj.
7. Pemohon / pemegang Permit hendaklah sentiasa berada di gerai / lokasi yang dipohon.
8. Perniagaan hanya dibenarkan menjual jualan **BERBUNGKUS** sahaja kecuali dengan kebenaran pihak MPKj.
9. Di larang sama sekali mempelawa / menyewa dan tidak boleh dipindah milik kepada lain-lain peniaga yang berniaga di lokasi berkenaan.
10. Tidak dibenarkan mendirikan bangsal / kanopi di tapak perniagaan tanpa kebenaran daripada pihak MPKj.
11. Tidak dibenarkan meletak kerusi dan meja untuk pelanggan makan di tempat perniagaan kecuali dengan kebenaran daripada Jabatan Pelesenan dan Penjaja MPKj.
12. Kebersihan di lokasi perniagaan dan sekitarnya perlu diselenggara dan dijaga dengan baik semasa berniaga dan selepas tamat waktu berniaga, serta menyediakan tong sampah yang secukupnya dan bersih dari sebarang kekotoran.
13. Memastikan semua jenis sampah / hasil buangan dari aktiviti jualan dimasukkan ke dalam karung plastik dan dibuang ke dalam tong sampah.
14. Pihak MPKj mewajibkan penggunaan, pelitup muka, topi, apron dan kasut (bertutup).
15. Pemilik dan pemegang Permit Perniagaan Sementara hendaklah berstatus warganegara Malaysia.



16. Peniaga perlu memastikan lokasi perniagaan tidak mengganggu lalulintas atau menyebabkan kacau ganggu kepada pihak lain dan tiada sebarang struktur kekal dibenarkan di lokasi perniagaan berkenaan kecuali dengan kebenaran daripada **Majlis**.
17. Bagi peniaga yang menggunakan kenderaan bergerak seperti van, lori kecil, motosikal perlu memastikan tempat letak kenderaan dalam keadaan yang tersusun bagi memastikan setiap pengunjung yang datang tidak meletak kenderaan mereka di tempat yang tidak sepatutnya yang boleh menimbulkan kesesakan lalulintas seperti di bahu jalan.
18. Tidak dibenarkan aktiviti perniagaan di kawasan tempat letak kereta dan kaki lima premis.
19. Permit Perniagaan Sementara perlu diperbaharui sebelum tamat tempoh tersebut.
20. Tiada pengembalian wang kepada peniaga yang telah dibatalkan permit semmentaranya.
21. **PERINGATAN :** Pihak MPKj tidak akan bertanggungjawab di atas apa jua bentuk kemalangan / kecederaan / kehilangan / kecurian yang berlaku semasa tempoh perniagaan dijalankan dan
22. Peniaga adalah tertakluk kepada peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh pihak Majlis dan jika terdapat aduan-aduan berasas, MPKj boleh **MEMBATALKAN** permit dengan serta merta tanpa sebarang notis pemberitahuan.
23. Pihak Majlis berhak untuk menarik balik kelulusan yang diberikan, sekiranya terdapat sebarang pelanggaran yang dirasakan boleh menggugat kesejahteraan orang awam atau melanggar hak-hak individu yang berkenaan dan pemeriksaan mengejut akan dijalankan dari semasa ke semasa untuk memastikan segala arahan dan peraturan dipatuhi.
24. Sebarang syarat-syarat yang dikenakan tertakluk kepada pindaan pihak MPKj dari semasa ke semasa.